



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 09 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Direktori CBO Tingkat Kesedaran Masyarakat Tangani Kes Komuniti Setempat https://thesun.my/cerita/berita/direktori-cbo-tingkat-kesedaran-masyarakat-tangani-kes-komuniti-setempat-A112836006 https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2327079 https://www.bernama.com/en/news.php?id=2327080	The Sun Bernama Bernama	Positif
2.	Leang Hadapi 8 Pertuduhan Culik, Kurung, Amang Seksual Kanak-Kanak https://www.hmetro.com.my/utama/2024/08/1120298/leang-hadapi-8-pertuduhan-culik-kurung-amang-seksual-kanak-kanak https://www.kosmo.com.my/2024/08/08/suspek-culik-didakwa-lagi-miliki-patung-gambar-kanak-kanak-berbogel-alat-sulit-wanita-palsu/ https://www.buletintv3.my/nasional/motif-menunjukkan-mungkin-suspek-ada-kecenderungan-salah-laku-seks-kepada-kanak-kanak-polis/ https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/08/1282097/kes-culik-budak-perempuan-suspek-didakwa-punyai-kecenderungan-salah	Harian Metro Kosmo Buletin TV3 Berita Harian	Neutral

	https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2326881 https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1120316/penculik-kanak-kanak-didakwa-miliki-objek-kelucahan-melampau	Bernama Harian Metro	
3.	Wanita 40 Tahun Ke Atas Sunyi Mudah Terjerat ‘Love Scam’ https://www.kosmo.com.my/2024/08/08/wanita-kesunyian-senang-terjerat-love-scam/ https://www.sinarharian.com.my/article/679279/berita/semasa/kesunyian-punca-wanita-terjerat-dengan-love-scam https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/wanita-kesunyian-sasaran-penipuan-love-scam/ https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesunyian-punca-wanita-terjerat-dengan-love-scam-482689	Kosmo Sinar Harian Utusan Astro Awani	Neutral
4.	Wanita Ditolak Suami Ke Gaung Retak Tulang Belakang https://www.sinarharian.com.my/article/679189/berita/semasa/wanita-ditolak-suami-ke-gaung-retak-tulang-belakang	Sinar Harian	Neutral
5.	Perdaya Wanita Dengan Tawaran Kerja Pramugari, Tukang Gunting Dihadap Ke Mahkamah https://www.buletintv3.my/mahkamah/perdaya-wanita-dengan-tawaran-kerja-pramugari-tukang-gunting-dihadap-ke-mahkamah/ https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2326807 https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/tipu-wanita-lebih-rm300000-untuk-bantu-dapatkan-kerja-pramugari/	Buletin TV3 Bernama Utusan	Neutral

6.	<p>Bapa Tiri, Rakan Mengaku Tidak Bersalah Amang Seksual, Rogol Remaja OKU</p> <p>https://www.buletintv3.my/mahkamah/bapa-tiri-rakan-mengaku-tidak-bersalah-amang-seksual-rogol-remaja-oku/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/dua-lelaki-amang-seksual-rogol-oku-hingga-hamil/</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Utusan</p>	Neutral
----	---	----------------------------------	---------

DIREKTORI CBO TINGKAT KESEDARAN MASYARAKAT TANGANI KES KOMUNITI SETEMPAT

BALIK PULAU: Inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menubuhkan Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) berupaya meningkatkan kesedaran komuniti setempat dalam membantu menangani kes penderaan, pengabaian dan keganasan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata isu penjagaan keselamatan golongan rentan dalam komuniti khususnya kanak-kanak, golongan kurang upaya, warga emas serta mangsa keganasan rumah tangga tidak boleh dipandang remeh.

Beliau berkata menjadi tanggungjawab semua pihak di semua peringkat untuk melaporkan kes berkaitan isu berkenaan bagi membolehkan tindakan segera diambil.

“Melalui CBO ini kita memberi pendedahan kepada masyarakat setempat tentang siapa yang mereka boleh hubungi, contohnya kalau polis apa nombor telefon mereka. Saya sangat merasakan ini satu langkah positif dalam memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya untuk melaporkan jika berlaku sesuatu kes.

“Pengerusi dan ahli CBO pula merupakan orang yang paling dekat dengan komuniti untuk memohon pertolongan apabila berlaku sesuatu insiden, justeru peranan komuniti seperti ketua kampung, persatuan atau pertubuhan, guru, jiran,

sukarelawan lain sangat penting untuk menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO)@ Barat Daya di Dewan Bukit Belah di Bayan lepas, di sini, hari ini.

Noraini berharap dengan adanya direktori tersebut dapat mempercepatkan lagi tindakan yang diambil oleh CBO bagi membantu komuniti yang memerlukan.

Beliau berkata Pulau Pinang merupakan lokasi keempat pelancaran Direktori CBO selepas di Sepang, Selangor; Alor Gajah, Melaka dan Seremban, Negeri Sembilan, dengan lokasi seterusnya di Papar, Sabah pada 19 Ogos ini, manakala Kuala Lumpur (3 Sept) dan Sibul, Sarawak (18 Sept).

Sementara itu, Noraini berkata dari Januari hingga Mei lepas, sebanyak 3,957 kes melibatkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan serta perlindungan dilaporkan, dengan kanak-kanak perempuan dan lelaki masing-masing mencatatkan 2,522 kes dan 1,435 kes, manakala di Pulau Pinang 235 kes direkodkan melibatkan 138 kanak-kanak perempuan dan 97 lelaki.

Beliau menegaskan tanggungjawab membendung isu penderaan atau pengabaian kanak-kanak bukan hanya terletak pada KPWK semata-mata tetapi semua pihak termasuk anggota keluarga dan masyarakat.

Beliau berkata sehingga Disember 2023, sebanyak 140 Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan 142 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) telah ditubuhkan di seluruh negara yang berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak.

“Usaha ini dilakukan untuk membantu mencegah kes-kes seperti penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak, ponteng sekolah, kerosakan akhlak dan lain-lain masalah sosial,” katanya.

LEANG HADAPI 8 PERTUDUHAN CULIK, KURUNG, AMANG SEKSUAL KANAK-KANAK

Johor Bahru: Penganggur dihadapkan ke dua Mahkamah Sesyen berasingan di sini, hari ini atas lapan pertuduhan menculik, membuat pengurangan salah dan amang seksual ke atas kanak-kanak perempuan berusia enam tahun, selain mengumpul dan memiliki bahan penganiayaan seksual kanak-kanak, bulan lalu.

Tertuduh, Leang Win Son, 31, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan bagi semua pertuduhan di hadapan Hakim Rasidah Roslee.

Lelaki itu didakwa menculik kanak-kanak daripada jagaan sah iaitu ibunya di Eco Galleria, Taman Botani, Iskandar Puteri di sini, pada 8.30 malam, 20 Julai Lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 363 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Di mahkamah itu juga, tertuduh didakwa membuat pengurungan salah ke atas kanak-kanak itu di bilik hotel di Jalan Mahagoni 9, Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor pada 4.45 pagi, 23 Julai lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 346 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun, jika sabitan.

Sementara itu, di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman, tertuduh menghadapi enam lagi pertuduhan yang mana empat daripadanya, didakwa mengumpul sebanyak 5,317 gambar dan video iaitu bahan penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak di dalam dua kad SD, cakera keras dan telefon bimbit di sebuah rumah di Jalan Bunga Raya 2, Taman Sri Kulai dekat Kulai, pada 4 petang, 24 Julai lalu.

Pendakwaan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 8(b) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang membawa hukuman penjara maksimum 15 tahun dan sebat tidak kurang tiga kali, jika sabit kesalahan.

Bagi dua lagi pertuduhan, Leang didakwa memiliki bahan pornografi kanak-kanak iaitu 30 keping gambar penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak dalam telefon bimbit di hotel di Jalan Mahagoni 9, Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor pada 4.45 pagi, 23 Julai lalu.

Untuk itu, dia didakwa mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 berdepan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda sehingga RM10,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Anak tunggal itu turut didakwa melakukan amang seksual bukan fizikal dengan membuatkan seorang kanak-kanak menunjukkan badannya supaya dapat

dilihat olehnya di hotel sama antara 12.30 tengah hari, 22 Julai lalu hingga 4.45 pagi, 23 Julai lalu.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 15(a)(ii) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda sehingga RM20,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pengarah Pendakwaan Negeri Johor, Abdul Ghafar Ab Latif memberitahu mahkamah bahawa semua perbuatan di bawah seksyen yang dihadapi tertuduh tidak boleh dijamin.

Bagaimanapun, katanya, jika mahkamah ingin membenarkan tertuduh diikat jamin, beliau mencadangkan jumlah keseluruhan RM160,000 bagi semua lapan pertuduhan.

Peguam Nur Zafirah Norizan yang mewakili tertuduh pula memohon jumlah jaminan yang minimum atas faktor anak guamnya yang tidak bekerja dan ditanggung sepenuhnya oleh ibunya.

"Ibu tertuduh berusia 58 tahun dan merupakan ibu tunggal. Ibunya tidak mempunyai pekerjaan dan gaji tetap. Tertuduh mempunyai masalah kesihatan dan ditanggung sepenuhnya oleh ibunya," katanya.

Dua mahkamah itu kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin dengan jumlah keseluruhan RM50,000 serta syarat tambahan, tertuduh tidak boleh mengganggu saksi pendakwaan, lapor diri di balai polis berhampiran sebulan sekali serta pasport antarabangsa hendaklah diserahkan kepada mahkamah, jika ada.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 12 September depan bagi serahan dokumen.

Ketika prosiding di hadapan Hakim Siti Noraida, ibu kanak-kanak mangsa penculikan itu dilihat turut hadir bersama rakannya dan berada di tempat duduk orang awam.

Selesai prosiding di Kompleks Mahkamah Johor Bahru, tertuduh dibawa terus ke Mahkamah Majistret Kulai untuk menghadapi tujuh lagi pertuduhan difahamkan mengikut Seksyen 292 Kanun Keseksaan.

WANITA 40 TAHUN KE ATAS SUNYI MUDAH TERJERAT 'LOVE SCAM'

IPOH – Golongan wanita di negara ini menjadi sasaran scammer walaupun sudah banyak laporan berkaitan kes penipuan didedahkan oleh media.

Pegawai Unit Risiko dan Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Perak, Asisten Superintendan Mohamad Mahathir Abdullah Sapawi berkata, wanita kesunyian berusia 40 tahun ke atas cenderung untuk melayan individu tidak dikenali menjadi faktor utama terjerat 'love scam'.

"Mangsa love scam biasanya terdiri daripada golongan wanita berusia 40 tahun ke atas kerana rata-rata mereka di usia begini mempunyai wang.

"Bukan itu sahaja, wanita yang menjadi mangsa terdiri daripada golongan profesional seperti doktor, pensyarah dan lain-lain," katanya ketika menyampaikan ceramah Kesedaran Jenayah Komersial Selamatkan Wanita dari Love Scammer di sini hari ini.

Menurut beliau, mangsa akan berkenalan dengan suspek melalui media sosial dan penipu itu menyamar sebagai juruterbang, peniaga, tentera atau jurutera minyak dan gas.

"Suspek akan menggunakan ayat-ayat manis sehingga mangsa jatuh cinta dalam masa tiga bulan. Paling cepat, sebulan sahaja mangsa akan diperdaya.

"Suspek kemudian memperdaya mangsa dengan alasan seperti mahu memberi hadiah, pelaburan perniagaan, wasiat dan bayaran bil hospital," katanya.

Beliau berkata, pihak polis tidak memberi jaminan untuk mendapatkan semula wang mangsa kerana identiti suspek sukar dikenal pasti.

“Akaun bank yang digunakan juga adalah milik keldai akaun. Keldai akaun akan disoal siasat namun identiti scammer tidak dapat dikenal pasti kerana mereka (keldai akaun) juga menjadi mangsa (scammer),” katanya. – KOSMO! ONLINE

PERDAYA WANITA DENGAN TAWARAN KERJA PRAMUGARI, TUKANG GUNTING DIHADAP KE MAHKAMAH



Tukang gunting rambut dihadapkan ke Mahkamah Majistret Pulau Pinang atas pertuduhan memperdaya seorang wanita dengan menawarkan pekerjaan sebagai pramugari. FOTO: NSTP

GEORGE TOWN: Seorang tukang gunting mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini hari ini, atas pertuduhan memperdaya seorang wanita dengan menawarkan pekerjaan sebagai pramugari membabitkan kerugian RM358,015, tahun lalu.

Tan Chun Hooi, 37, mohon dibicarakan sejurus pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret, Siti Nurul Suhaila Baharin.

Berdasarkan pertuduhan, Chun Hooi didakwa memperdayakan seorang wanita berusia 38 tahun untuk mempercayai bahawa dia berupaya mendapatkan pekerjaan sebagai pramugari Singapore Airlines sehingga mendorong mangsa menyerahkan wang berjumlah RM358,015 ke dalam akaun bank tertuduh.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan tersebut antara tarikh 3 Julai 2023 pada jam lebih kurang 10.15 malam hingga 15 Disember 2023 jam 6.39 petang bertempat di alamat 22, Lebuh Rama 7, Paya Terubong, Ayer Itam.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat selain boleh juga didenda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Atikah Ashraf Ali, manakala tertuduh diwakili peguam bela, Yiew De Xien.

Nurul Atikah mencadangkan jaminan RM12,000 terhadap tertuduh dengan seorang penjamin namun peguam tertuduh memohon mahkamah mengurangkan kadar tersebut atas alasan tertuduh perlu menyara neneknya yang telah uzur.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin selain menetapkan 12 September ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

BAPA TIRI, RAKAN MENGAKU TIDAK BERSALAH AMANG SEKSUAL, ROGOL REMAJA OKU



Buruh bersama rakan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu atas tuduhan melakukan amang seksual fizikal dan rogol remaja perempuan yang juga OKU. -Foto: NSTP

KUALA TERENGGANU: Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak perempuan tirinya yang juga orang kurang upaya (OKU).

Tertuduh, 52 tahun membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiquidin Zulkifli.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa yang ketika kejadian berusia 14 tahun.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di daerah ini, jam 4 petang pada Ogos 2023.

Bagi kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16(1) akta sama berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sejurus pengakuan tidak bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah menetapkan 8 September depan sebagai tarikh sebutan semula dan tidak membenarkan tertuduh diikat jamin.

Sementara itu, di mahkamah sama, rakannya yang berusia 50 tahun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan merogol remaja sama sehingga hamil.

Tertuduh membuat pengakuan itu selepas dua pertuduhan dibacakan di hadapan Mohd Zul Zakiquidin.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol mangsa di lokasi sama pada Disember 2023 dan Julai lalu.

Tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Sejurus pengakuan tidak bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah menetapkan 8 September depan sebagai tarikh sebutan kes dan membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 bagi kedua-dua pertuduhan.

Pendakwaan kedua-dua kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Intan Nor Hilwani Mat Riffin manakala dua tertuduh diwakili peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan.